ARAHAN DAN KAEDAH MENGISI BORANG PENCALONAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TENTERA

1. Muat turun “Borang Pencalonan Anggota Lembaga Koperasi” di laman sesawang KT (www.katmb.com.my).
2. Masuk ke menu “Hubungi Kami & Bantuan” klik ke “Muat Turun” dan seterusnya ke tab “MAT 60”.
3. Muat turun ke semua dokumen di dalam tab berikut:-
   i. Arahan & Kaedah Mengisi Borang, Garis Panduan SKM dan Kod Etika Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi.
   ii. Borang Pencalonan.
4. Cetak kesemua borang yang telah dimuat turun dan isi dengan lengkap. Borang boleh diisi mengunakan pen (hitam / biru sahaja) atau diisi mengunakan PDF (*Fill & Sign*). Cetakan boleh dilakukan secara berwarna atau hitam / putih.
5. Calon adalah digalakkan untuk mengembalikan semula borang pencalonan melalui *management file* serta mengunakan *clip binding* yang difail dengan kemas bagi mengelakkan keciciran.
6. Ambil maklum bahawa Calon yang masih berkhidmat perlu memaklumkan dan mendapatkan pengesahan Ketua Perkhidmatan sebelum memajukan borang pencalonan kepada KT.
7. Borang yang telah lengkap diisi (seperti yang dinyatakan pada Senarai Semak Pengembalian Borang Pencalonan) perlu dimajukan secara serahan tangan kepada:-

   Wisma Koperasi Tentera
   Unit Pentadbiran Am, Tingkat 4
   No.1 Jalan 2/65c,
   Off Jalan Pahang Barat,
   53000 Kuala Lumpur.

8. Borang Pencalonan Anggota Lembaga Koperasi Tentera perlu sampai di alamat di atas sebelum atau pada 13 April 2026 (Isnin, Jam 3.00 ptg).
9. Borang yang dihantar secara pos / kurier adalah tidak diterima, Walaubagaimanapun serahan tangan melalui wakil adalah diterima (dengan syarat, Item 5 dan 6 di atas adalah dipatuhi).
10. Sebarang pertanyaan, mohon hubungi Urusetia Pengundian & Persiapan MAT KT seperti dibawah;-

En. Mohamad Sazali bin Samjis - Ketua Urusetia Pengundian & Persiapan MAT KT Ke-60 (2026)
No Tel. 03-4027 2699 No Hp: 019-3846600 Email: sazali@katmb.com.my

En Mohd Alfaraby Bin Rustam - Urusetia Pengundian & Persiapan MAT KT Ke-60 (2026)
No Tel. 03-4027 2634 No Hp: 012-2359245 Email: alfaraby@katmb.com.my

KOPERASI TENTERA
www.katmb.com.my
03-2303 0000
Koperasi Tentera
Imbas kod QR laman sesawang rasmi KT
Kita Lagi Ok
#Bersama

KOD ETIKA
PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA
KOPERASI ANGKATAN TENTERA
MALAYSIA BERHAD

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Tujuan..... 4

1.2 Objektif..... 4

1.3 Penguna Sasaran.....4

1.4 Pematuhan..... 4

1.5 Penyimpangan..... 4

2.0 SINGKATAN KATA & TAFSIRAN

2.1 Singkatan kata.....5

2.2 Tafsiran.....5

BAHAGIAN 1

3.0 KELAYAKAN CALON ALK..... 8

4.0 KUOTA ALK.....9

5.0 BATASAN ALK..... 10

6.0 TEMPO MEMEGANG JAWATAN ALK.....10

7.0 KELAYAKAN ANGGOTA MENGUNDI.....10

BAHAGIAN 2

8.0 KAEDAH & KONSEP PEMILIHAN..... 11

9.0 PERLAKSANAAN PEMILIHAN.....12

9.1 Penamaan Menjadi Calon..... 12

9.2 Wang Pentadbiran & Wang Cagaran..... 13

9.3 Peruntukan Huruf Calon.....14

9.4 Menarik Diri..... 14

9.5 Proses Pengundian Dan Pembuangan Undi.....15

a) Pemerhati.....15

b) Pakaian..... 15

c) Kehadiran Calon Dan Wakil Calon Di Pusat Pendaftaran Dan Pengundian..... 15

d) Pemeriksaan Dan Pengesahan Pusat Pendaftaran Dan Pengundian....16

e) Kehadiran Dan Pendaftaran Mengundi.....17

i. Pengundian Secara Manual Dan/Atau Elektronik.....17

ii. Pengundian Secara Atas Talian.....17

Muka Surat

f) Kaedah & Cara Mengundi.....18
i. Pengundian Secara Manual..... 18
ii. Pengundian Secara Eletronik.....20
iii. Pengundian Secara Atas Talian.....22
g) Pengesahan Undi.....24
i. Pengundian Secara Manual..... 24
ii. Pengundian Secara Eletronik & Atas Talian..... 27
10.0 LOKASI & TARIKH PENGUNDIAN..... 28
10.1 Undi secara manual & elekktronik.....28
10.2 Undi secara pos.....28
10.3 Undi secara atas talian.....28
11.0 TEMPOH MASA MENGUNDI.....29
11.1 Undi secara manual & elektronik.....29
11.2 Undi secara pos.....29
11.3 Undi secara atas talian.....29
11.4 Perubahan masa..... 29
12.0 PENJUMLAHAN, PENENTUAN & PENGIRAAN SEMUAL JADI.....29
12.1 Penjumlahan undi.....29
12.2 Penentuan & penerimaan sesuatu undi..... 30
12.3 Rumusan & keputusan pengiraan undi..... 31
12.4 Pengiraan dan semakan semula.....32
12.5 Pengumuman & pengisytiharan..... 33
13.0 PANEL PENIMBANGTARA.....34
14.0 TATACARA DAN ETIKA BERKEMPEN..... 35
14.1 Tatatertib umum berkempen..... 35
14.2 Poster & risalah (bercetak & eletronik).....36
14.3 Kempen menjelang dan pada hari mengundi.....37
14.4 Penalti.....38
15.0 BANTAHAN..... 39
16.0 PINDAAN KOD ETIKA.....39

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Tujuan

Kod Etika Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Bhd ”Kod Etika” ini disediakan bertujuan untuk menggariskan perkara-perkara berkaitan dengan pelaksanaan proses pemilihan Anggota Lembaga Koperasi.

1.2 Objektif

Objektif Kod Etika ini adalah untuk memenuhi tuntutan berikut:

a) Menyediakan set dasar yang jelas untuk mentadbir dan mengelola perjalanan dan proses pemilihan Anggota Lembaga Koperasi yang baharu;

b) Memastikan konsistensi dalam amalan tadbir urus dan proses pemilihan Anggota Lembaga Koperasi yang baharu.

1.3 Pengguna Sasaran

Kod Etika ini disediakan untuk penggunaan semua Urusetia dibawah JKMATKT, calon-calon bertanding pemilihan Anggota Lembaga Koperasi, panel penimbangtara dan sesiapa yang berkenaan.

1.4 Pematuhan

Semua pengguna sasaran mestilah memahami Kod Etika dengan baik. Dasar yang ditetapkan hendaklah dipatuhi setiap masa. Apa-apa pelanggaran terhadap dasar dalam Kod Etika ini hendaklah dianggap sebagai penyimpangan dan boleh diambil tindakan sewajarnya mengikut budi bicara JKMATKT.

1.5 Penyimpangan

Sekiranya terdapat sebarang penyimpangan ke atas Kod Etika ini, JKMATKT perlu dimaklumkan terlebih dahulu sebelum merujuk kepada Lembaga. Segala pertikaian yang berkaitan dengan Kod Etika ini, sebelum pemilihan ALK baharu akan diselesaikan di peringkat Lembaga manakala bagi pertikaian semasa dan selepas pemilihan, panel penimbangtara perlu dirujuk untuk mendapatkan penyelesaian.

2.0 SINGKATAN KATA DAN TAFSIRAN.

2.1 Singkatan Kata.

Singkatan Kata	Maksud
ALK	Anggota Lembaga Koperasi
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
JKMATKT	Jawatankuasa Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Tentera
KT	Koperasi Tentera
MAT	Mesyuarat Agung Tahunan
QR	*Quick Response*
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
SMS	*Short Message System*
UGAT	Urusan Gaji Angkatan Tentera
UUK	Undang-Undang Kecil

2.2 Tafsiran.

Dalam Kod Etika ini, berikut merupakan tafsiran melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

a) **"Akta"** merujuk kepada Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa.

b) **"Undang-Undang Kecil (UUK) dan Aturan-Aturan"** merujuk kepada proklamasi, peraturan, arahan, perintah dan pemberitahuan yang dibuat oleh KT dengan kelulusan Mesyuarat Agung Tahunannya berdasarkan Akta yang sah dan mempunyai kesan perundangan dan juga merujuk kepada tafsiran yang tedapat di dalam UUK.

c) **"Anggota Lembaga Koperasi (ALK)"** merujuk kepada badan pengelola sesuatu koperasi yang kepadanya pengurusan hal-ehwal koperasi ini diamanahkan dan yang

maba perlantikan anggotanya dibuat selaras dengan peruntukan yang ditetapkan di dalam UUK.

d) **"Calon Anggota Lembaga Koperasi"** merujuk kepada calon yang telah berdaftar dengan Jawatankuasa Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Tentera (JKMATKT) menerusi urusetianya.

e) **"Panel Penimbangtara"** merujuk kepada orang atau badan bebas yang dilantik secara rasmi untuk menyelesaikan pertikaian.

f) **"Wakil Calon"** merujuk kepada orang yang dilantik oleh calon sebagai penganti dirinya dan sebagai pemerhati bagi perjalanan proses pemilihan ALK.

g) **"Anggota"** merujuk kepada seseorang yang layak menjadi ahli KT sebagaimana yang terkandung di dalam UUK-11, telah memohon sebagaimana UUK-12 dan juga telah diterima sebagaimana UUK-15.

h) **"Jawatankuasa Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Tentera (JKMATKT)"** merujuk kepada ALK yang dilantik atau dipilih untuk melaksanakan atau menguruskan perjalanan MAT KT dan juga proses pemilihan ALK baharu.

i) **"Undi Secara Manual"** merujuk kepada pemilihan calon ALK secara undian dengan mengunakan kertas undi secara fizikal oleh anggota yang layak dan diadakan di sekitar Lembah Klang yang menurut kaedah yang ditetapkan oleh JKMATKT dari semasa ke semasa.

j) **"Undi Secara Pos"** merujuk kepada pemilihan calon ALK secara pos oleh anggota yang layak dimana kertas undi diedarkan kepada anggota dan dikembalikan kepada Urusetia melalui pos menurut kaedah yang ditetapkan oleh JKMATKT dari semasa ke semasa.

k) **”Undi Secara Elektronik”** merujuk kepada pemilihan calon ALK secara undian oleh anggota yang layak dengan mengunakan sistem dan peranti elektronik tanpa mengunakan kertas undi secara fizikal di sekitar Lembah Klang menurut kaedah yang ditetapkan oleh JKMATKT dari semasa ke semasa.

l) **”Undi Secara Atas Talian”** merujuk kepada pemilihan calon ALK secara undian oleh anggota yang layak dengan mengunakan sistem atas talian tanpa mengunakan kertas undi secara fizikal menurut kaedah yang diputuskan oleh JKMATKT dari masa ke semasa.

m) **”Huruf Calon”** merujuk kepada abjad yang diperuntukan kepada calon sebagai simbol kepada calon bertanding.

n) **”Dokumen Pengenalan Diri”** merujuk kepada MyTentera/MyKad/Pasport; atau Lesen Memandu yang bergambar; atau Pas Tempat Kerja yang bergambar; atau Kad Keahlian Persatuan Bekas Tentera Malaysia yang bergambar.

o) **”Aplikasi KTOnline”** merujuk kepada aplikasi perbankan internet KT yang menampilkan ciri-ciri gambaran keseluruhan akaun, pindahan dana, pembayaran dan lain-lain lagi.

BAHAGIAN 1

KRITERIA CALON ALK DAN ANGGOTA PEMILIH

3.0 KELAYAKAN CALON ALK.

3.1 Calon mestilah tidak hilang kelayakan untuk menjadi anggota koperasi mengikut Seksyen 27, Akta Koperasi 1993 (Akta).

3.2 Calon mestilah bebas daripada disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Seksyen 43(1)(a), Akta.

3.3 Calon tidak pernah dipecat sebagai pegawai sesuatu koperasi sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 43(1)(b), Akta.

3.4 Seseorang Calon ALK akan ditentusahkan oleh **Ketua Perkhidmatan** dan **Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya)** sama ada Calon itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya yang ditetapkan di bawah Seksyen 43(2), Akta.

3.5 Setelah penentusahan bahawa orang itu telah memenuhi kriteria layak dan sesuai maka orang itu layak untuk menjadi Calon sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 43(3), Akta.

3.6 Seseorang itu hanya layak menjadi Calon setelah genap dua (2) tahun menjadi anggota Koperasi mengikut Seksyen 43(4), Akta.

4.0 KUOTA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI.

4.1 ALK hendaklah pada sesuatu masa terdiri daripada lima belas (15) anggota UUK-36 seperti berikut:-

a) Lima (5) ALK yang dilantik daripada setiap perkhidmatan (Tentera Darat, Tentera Laut, Tentera Udara, Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia dan Pengarah Urusan Gaji Angkatan Tentera Malaysia (UGAT).

b) Sepuluh (10) ALK yang terdiri daripada sekurang-kurangnya enam (6) ALK yang masih dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dan empat (4) ALK terdiri dari semua lapisan anggota KT; dan,

c) Pengisian kouta adalah mengikut undian tertinggi bagi mengisi kekosongan kouta tersebut.

4.2 Tertakluk kepada peruntukan Akta dan UUK, Calon ALK yang telah dipilih pada MAT adalah dibenarkan memegang jawatan ALK untuk tempoh tiga (3) tahun kecuali MAT memutuskan sebaliknya.

4.3 Perlantikan jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari akan diadakan pada mesyuarat ALK pertama selepas MAT dengan persetujuan majoriti ALK menurut UUK.

5.0 BATASAN ALK.

Tertakluk kepada peruntukan Akta dan UUK-37(1)(d), seseorang ALK adalah tidak layak menjadi ALK atau kekal sebagai ALK jika dia telah dilantik sebagai ALK dan/atau memegang mana-mana jawatan ALK sesuatu koperasi lain khususnya koperasi yang mempunyai fungsi dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama serta menyerupai KT.

6.0 TEMPOH MEMEGANG JAWATAN ALK.

Rujuk UUK-38.

7.0 KELAYAKAN ANGGOTA MENGUNDI.

7.1 Hanya anggota yang telah mendaftar diri sebagai anggota KT dan telah membayar fi masuk sebanyak RM10.00 atau fi masuk semula sebanyak RM20.00, syer sebanyak RM100.00 dan yuran bulan pertama dengan jumlah minima yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa dan telah disahkan keanggotaannya sebulan sebelum tarikh MAT diadakan sepertimana yang tersenarai dalam daftar keanggotaan KT adalah layak untuk hadir dan mengundi.

7.2 Anggota yang gagal menjelaskan ansuran yuran untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dengan tiada kebenaran daripada ALK adalah tidak layak hadir dan tidak layak mengundi.

7.3 Anggota-anggota yang telah menghantar notis penarikan diri dari keanggotaan KT dan permohonan penarikan diri tersebut telah diluluskan sebulan atau sebelumnya dari tarikh MAT diadakan adalah tidak layak hadir dan tidak layak mengundi.

7.4 Sebagai syarat tambahan bagi kaedah pengundian secara atas talian, anggota yang ingin mendaftar dan mengundi perlu mempunyai no telefon yang berdaftar bagi aplikasi KTOnline dalam sistem KT untuk menerima SMS.

(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

BAHAGIAN 2

PROSES PEMILIHAN

8.0 KAEDAH DAN KONSEP PEMILIHAN.

8.1 Pemilihan ALK boleh dibuat melalui salah satu kaedah pengundian seperti berikut apabila telah diputuskan oleh JKMATKT:-

a) Secara Manual dengan menggunakan kertas undi pada tarikh MAT; atau

b) Secara Pos dengan mengunakan kertas undi yang dipos dan dikembalikan pada tarikh MAT atau lain-lain tarikh yang diputuskan kemudian; atau

c) Secara Elektronik tanpa mengunakan kertas undi di pusat mengundi pada tarikh MAT; atau
(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

d) Secara Atas Talian tanpa mengunakan kertas undi pada tarikh MAT.
(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

8.2 Setiap anggota yang layak mengundi akan mempunyai satu (1) peluang mengundi samada secara manual, secara pos, secara eletronik atau secara atas talian bergantung kepada jenis kaedah pengundian yang ditetapkan oleh JKMATKT.

8.3 Jumlah pusat pengundian (bagi kaedah mengundi secara manual, pos dan eletronik) akan ditetapkan oleh JKMATKT.

8.4 Kelayakan mengundi dan kehadiran anggota akan direkod di dalam sistem komputer.

8.5 Keputusan rasmi kiraan undi hendaklah diumumkan semasa MAT.

8.6 Sekiranya terdapat kegagalan fungsi sistem pengundian elektronik yang menyebabkan pengundian secara elektronik tidak dapat dilakukan dan tiada alternatif lain yang boleh digunakan untuk meneruskan proses pengundian tersebut pada hari MAT, maka proses pengundian boleh diteruskan dengan pengundian secara manual. Sehubungan itu, tatacara mengenai kaedah pengundian secara manual akan terpakai seperti mana yang dinyatakan di dalam Kod Etika ini.

9.0 PERLAKSANAAN PEMILIHAN

9.1 Penamaan Menjadi Calon.

a) Penamaan mestilah dibuat di atas borang yang disediakan oleh Urusetia JKMATKT;

b) Urusetia akan mengiklankan melalui media cetak dan media elektronik tarikh mula dan tarikh tutup penamaan sebagai Calon ALK sempena pemilihan di MAT;

c) Borang penamaan calon yang lengkap hendaklah sampai kepada Urusetia JKMATKT pada tarikh dan masa sepertimana yang diiklankan dan ditetapkan; dan

d) JKMATKT mempunyai kuasa menolak borang penamaan yang tidak lengkap dan/atau membatalkan penamaan mana-mana Calon yang tidak memenuhi syarat kelayakan.

9.2 Wang Pentadbiran dan Wang Cagaran.

a) Setiap anggota yang mengambil borang penamaan dikehendaki membayar Wang Pentadbiran sebanyak RM150.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh) semasa mengambil borang tersebut. Wang Pentadbiran adalah bagi tujuan pencetakan borang, pembersihan kawasan pendaftaran dan pengundian serta penyediaan makanan dan minuman untuk Calon dan 2 orang Wakil Calonnya;

b) Wang Pentadbiran hanya akan dikembalikan kepada Calon sekiranya berlaku perkara-perkara yang dinyatakan di dalam perenggan 9.2 (e) dan perenggan 9.4 (c);

c) Setiap anggota yang membuat penamaan sebagai Calon juga dikehendaki membayar Wang Cagaran sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus) semasa menyerahkan borang penamaan yang lengkap;

d) Wang Cagaran akan lupus sekiranya Calon memperolehi jumlah undi kurang daripada sepuluh peratus (10%) dari jumlah kehadiran anggota yang mengundi bagi pemilihan tersebut kecuali Calon berkenaan berjaya dipilih sebagai ALK; dan

e) Sekiranya Calon meninggal dunia selepas penyerahan borang penamaan yang lengkap dan sebelum keputusan pengundian diumumkan, Urusetia JKMATKT akan mengembalikan Wang Pentadbiran dan Wang Cagaran kepada Penamanya (”Penama” adalah seperti yang ditakrifkan di dalam UUK-18) dalam tempoh masa yang ditentukan oleh JKMATKT.
(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-54 pada 30 Jun 2019)

9.3 Peruntukan Huruf Calon.

a) Setiap Calon akan diperuntukkan dengan satu huruf yang juga merupakan simbol bagi Calon berkenaan; dan

b) Penentuan huruf bagi setiap Calon adalah dengan cara cabutan undi oleh Calon sendiri atau Wakil Calon yang dilantik dalam satu majlis (Taklimat Calon) yang akan ditadbir dan diadakan oleh Urusetia JKMATKT.

9.4 Menarik Diri. *(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-54 pada 30 Jun 2019)*

a) Tarikh akhir penarikan diri dari menjadi Calon ALK adalah sebelum/pada tarikh Taklimat Calon diadakan;

b) Borang yang lengkap diisi dan ditandatangani ini mestilah sampai ke tangan Urusetia Pengundian dan Persiapan MAT KT sebelum tarikh dan masa yang dinyatakan di perenggan 9.4 (a) untuk kelulusan JKMATKT;

c) Permohonan menarik diri yang diterima dalam masa yang ditetapkan akan dipulangkan Wang Cagaran sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus) dan juga Wang Pentadbiran RM150.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh) setelah kelulusan JKMATKT diperolehi;

d) Selepas tarikh Taklimat Calon, Calon masih boleh menarik diri dengan memajukan surat rasmi kepada Pengerusi JKMATKT sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan tetapi Wang Cagaran RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus) dan juga Wang Pentadbiran RM150.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh) tidak akan dikembalikan; dan

e) Undi untuk Calon (sekiranya ada) yang menarik diri selepas tarikh dan masa seperti perenggan 9.4 (a) tidak akan dikira dan terbatal (undi rosak).

9.5 Proses Pengundian dan Pembuangan Undi.

a) Pemerhati.

i. Setiap Calon adalah dikehendaki melantik dua (2) orang Wakil Calon yang akan bertindak sebagai pemerhati.

ii. Calon tidak dibenarkan menamakan Wakil Calon yang sama dengan Calon yang lain.

iii. Wakil Calon yang dilantik hendaklah didaftarkan dengan JKMATKT.

b) Pakaian.

i. Calon dan Wakil Calon yang masih berkhidmat dengan ATM hendaklah memakai pakaian seperti yang diarahkan oleh Perkhidmatan masing-masing; dan

ii. Calon dan Wakil Calon diwajibkan memakai *tag* “CALON/WAKIL CALON” yang disediakan oleh JKMATKT di hari MAT sehinggalah pengiraan undi selesai dijalankan. *Tag* hendaklah didapatkan dari Urusetia JKMATKT sebelum tarikh MAT diadakan.

c) Kehadiran Calon dan Wakil Calon di Pusat Pendaftaran dan Pengundian.

Calon dan Wakil Calon tidak dibenarkan berada di Pusat Pendaftaran dan Pengundian kecuali apabila dikehendaki oleh Ketua Urusetia Pengundian dan Persiapan untuk tujuan berikut: -

i. Memeriksa dan mengesahkan peti-peti undi yang akan digunakan (sekiranya pengundian secara manual dan pos);

ii. Memeriksa dan mengesahkan karung/kotak yang mengandungi undi pos sebelum ianya dibuka untuk pengiraan (sekiranya pengundian secara pos).

iii. Memeriksa dan mengesahkan penggunaan alatan elektronik yang digunakan dan memastikan sistem dan peralatan berfungsi sewajarnya (sekiranya pengundian secara elektronik)
(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

iv. Menyaksikan upacara mengaktifkan proses pengundian secara atas talian (sekiranya pengundian secara atas talian).
(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

v. Mendaftar dan mengundi bagi pihak diri sendiri;

vi. Memerhatikan upacara penutupan peti-peti undi sebelum dibawa ke Pusat Pengiraan Undi; (sekiranya pengundian secara manual dan pos);

vii. Menyaksikan upacara pengisytiharan berakhirnya tempoh pengundian.

viii. Mengiringi peti-peti undi semasa dibawa ke Pusat Pengiraan Undi (sekiranya pengundian secara manual dan pos); dan

ix. Apabila diperlukan jika terdapat masalah yang berbangkit.

d) Pemeriksaan dan Pengesahan Pusat Pendaftaran dan Pengundian.

i. Wakil Calon dikehendaki berada di Pusat Pendaftaran dan Pengundian lima belas (15) minit sebelum pembukaan kaunter pendaftaran pengundian bagi menjadi pemerhati untuk memeriksa dan mengesahkan peti-peti undi yang digunakan (sekiranya pengundian secara manual dan secara pos) atau bagi memeriksa dan mengesahkan sistem pengundian elektronik yang akan digunakan berfungsi sewajarnya (sekiranya pengundian secara elektronik dan secara atas talian) agar tidak menimbulkan sebarang keraguan atau pertikaian di atas penggunaannya.

ii. Jika setelah pengumuman dibuat, hanya seorang atau sebilangan kecil Wakil Calon sahaja yang hadir sebagai pemerhati bagi menjalankan aktiviti di perenggan 9.5 (d) (i) Kod Etika ini, pemeriksaan dan pengesahan tetap akan dijalankan oleh Pegawai Pusat Pendaftaran dan Pengundian walaupun hanya dengan kehadiran seorang Wakil Calon pada masa yang ditetapkan.

iii. Calon atau Wakil Calon atau mana-mana pihak tidak berhak mengemukakan sebarang bantahan sekiranya aktiviti di perenggan 9.5 (d) (i) Kod Etika ini dibuat tanpa kehadiran Wakil Calon yang telah dilantik oleh Calon tersebut.

e) Kehadiran dan Pendaftaran Mengundi.

i. Pengudian Secara Manual dan/atau Elektronik.

Sekiranya kaedah mengundi adalah secara manual dan/atau eletronik, anggota yang hadir untuk mengundi mestilah mendaftar diri di kaunter Pusat Pendaftaran dan Pengundian dengan mengemukakan salah satu dokumen pengenalan diri kepada petugas Pusat Pendaftaran dan Pengundian bertujuan mengesah dan mengenal pasti bahawa mereka adalah anggota yang sebenarnya. Dokumen-dokumen yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

1. MyTentera / MyKad / Pasport; atau
2. Lesen memandu yang bergambar; atau
3. Pas tempat kerja yang bergambar; atau
4. Kad keahlian Persatuan Bekas Tentera Malaysia yang bergambar.
   (Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

ii. Pengundian Secara Atas Talian.

Sekiranya kaedah mengundi secara atas talian, anggota mestilah mempunyai mempunyai no telefon yang berdaftar bagi aplikasi KTOnline dalam sistem KT untuk menerima SMS.
(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

f) Kaedah dan Cara Mengundi.

i. Pengundian Secara Manual.

1. Anggota yang mendaftar di Kaunter Pendaftaran dan Pengundian yang didapati layak untuk mengundi akan diberikan kertas undi yang berhak bagi dirinya.

2. Anggota yang telah menerima kertas undi hendaklah terus membuang undi ditempat membuang undi dan memasukkan kertas undi tersebut ke dalam peti undi yang disediakan tanpa menceraikan mana-mana bahagian, (Perlu diingatkan kertas undi yang diceraikan sendiri oleh pengundi akan dikira sebagai undi rosak). Setelah itu pengundi dikehendaki beredar dari Pusat Pendaftaran dan Pengundian.

3. Undi yang dikira sah hanyalah undi yang ditulis dengan huruf yang telah diperuntukan kepada setiap Calon serta ditulis didalam petak yang dikhaskan di kertas undi.

4. Lain-lain tanda selain dari huruf yang ditetapkan bagi Calon yang bertanding adalah tidak diiktiraf sebagai tanda undi dan akan dikategorikan sebagai undi rosak.

5. Di atas kertas undi terdapat petak-petak kosong (3 petak bagi mengisi 3 kekosongan dan 4 petak pula jika terdapat 4 kekosongan). Petak-petak kosong tersebut adalah untuk ditulis huruf calon yang dipilih. Satu petak dikhaskan untuk satu huruf sahaja. Kesemua petak hendaklah ditulis dengan huruf yang berlainan yang telah diperuntukkan kepada Calon-Calon. Kertas undi yang telah diceraikan dikira sebagai undi rosak.

   Contoh di Gambarajah 1 adalah untuk 3 kekosongan. Cara dan kaedah adalah sama bagi 4 kekosongan.

Gambarajah 1

6. Sebagai contoh, terdapat 5 orang Calon bertanding untuk 3 kekosongan. Setiap seorang diperuntukan dengan satu huruf sebagai simbol. Huruf-hurufnya ialah F, G, I, O dan V. Sekiranya Calon F, G, V yang dipilih, tuliskan huruf-huruf tersebut di dalam petak yang disediakan.

   Contoh di Gambarajah 2.

Gambarajah 2

ii. Pengundian Secara Elektronik
(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

1. Anggota yang mendaftar di Kaunter Pendaftaran dan Pengundian yang layak untuk mengundi akan diberikan Bar Kod / Kod QR apabila selesai mendaftar.

   Contoh di Gambarajah 3.

Gambarajah 3

2. Anggota yang telah menerima Bar Kod / Kod QR ini dikehendaki maju ke ruang mengundi yang disediakan dan mengimbas Bar Kod / Kod QR ini di pengimbas yang disediakan di tempat mengundi.

   Contoh di Gambarajah 4.

Gambarajah 4

3. Apabila proses mengimbas berjaya, senarai calon ALK yang bertanding akan dipaparkan di skrin yang disediakan.

4. Anggota diminta memilih calon ALK dengan menyentuh kotak pilihan yang disediakan. Sekiranya kekosongan ALK bagi tahun berkenaan adalah bagi mengisi tiga (3) tempat kosong, maka anggota diminta memilih mana-mana tiga (3) daripada Calon ALK yang bertanding.

Contoh di gambarajah 5.

Gambarajah 5

5. Apabila tiga (3) calon (atau jumlah lain bergantung kepada kekosongan jawatan ALK) telah selesai dipilih mengikut cara yang ditetapkan, maka anggota perlu menekan butang ”Hantar” atau mana-mana butang lain yang telah ditetapkan di dalam sistem pengundian elektronik tersebut bagi tujuan menyelesaikan proses undian.

6. Undian anggota dianggap selesai dan berjaya apabila menu pada skrin memaparkan sedemikian.

7. Anggota perlu beredar dari tempat mengundi apabila selesai proses mengundi secara elektronik ini.

iii. Pengundian Secara Atas Talian

(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

1. Anggota perlu mendaftar no telefon untuk aplikasi KTOnline bagi tujuan mengundi sebagaimana yang diperuntukan di dalam perenggan 7.0 Kod Etika.

Gambarajah 6.

Contoh di gambarajah 6.

2. Anggota yang layak mengundi sebagaimana diperuntukan di dalam perenggan 7.0 Kod Etika. Boleh daftar masuk ke dalam portal mengundi melalui pautan yang diberikan dengan memasukkan nombor MyTentera/MyKad dan tarikh lahir.

Gambarajah 7.

Contoh di gambarajah 7.

3. Kod Pengesahan OTP akan diberikan melalui SMS sebelum anggota dibawa terus ke skrin pemilihan calon ALK.

Gambarajah 8.

Contoh di gambarajah 8.

4. Setelah berjaya mendaftar masuk, Portal Mengundi akan kelihatan dan memaparkan nama calon, gambar calon, huruf calon dan lain-lain maklumat bagi tujuan dibuat pemilihan (undi) oleh anggota.



Gambarajah 9.

5. Anggota diminta memilih (mengundi) dengan menandakan calon-calon ALK sehingga cukup jumlah calon ALK yang diperlukan sebagaimana kekosongan yang ada.

6. Langkah pembetulan bagi pemilihan calon-calon ALK boleh dilakukan sebelum teruskan untuk hantar undi.



Gambarajah 10.

7. Klik ”Hantar Undi” untuk menyelesaikan proses undian ini.

Contoh di gambarajah 9 dan 10.

8. Proses undian dianggap selesai dan berjaya apabila anggota menerima makluman yang menyatakan proses undian telah berjaya.

Contoh di gambarajah 11.



Gambarajah 11.

g) Pengesahan Undi.

i. Pengundian Secara Manual.

1. Jika semua petak ditulis huruf yang sama, hanya satu undi sahaja yang sah untuk diambil kira dan bakinya hendaklah dibatalkan oleh Panel Penimbangtara.

   Contoh di gambarajah 12.

Gambarajah 12.

2. Jika dua petak ditulis huruf yang sama dan satu petak lagi ditulis huruf yang lain, hanya dua undi yang ditulis huruf yang berlainan diterima dan satu lagi hendaklah dibatalkan oleh Panel Penimbangtara.

   Contoh di gambarajah 13. Kertas Undi ini sah untuk satu F dan satu V sahaja dan F kedua dibatalkan.



Gambarajah 13

3. Jika huruf ditulis di luar petak yang dikhaskan, petak kosong ini adalah tidak sah dan hendaklah dibatalkan oleh Panel Penimbangtara.

Contoh di gambarajah 14. Kertas Undi ini tidak sah dan dibatalkan



Gambarajah 14

4. Jika mana-mana petak ditinggalkan kosong, petak kosong ini adalah tidak sah dan hendaklah dibatalkan oleh Panel Penimbangtara.

Contoh di gambarajah 15. Kertas Undi ini tidak sah bagi kotak kosong dan dibatalkan.



Gambarajah 15

5. Jika huruf ditulis terbalik atau melintang kertas undi ini adalah tidak sah dan hendaklah dibatalkan oleh Panel Penimbangtara.

Contoh di gambarajah 16. Kertas Undi ini tidak sah dan dibatalkan.



Gambarajah 16

6. Jika huruf ditulis di dalam petak dan di luar petak, kertas undi ini adalah tidak sah dan hendaklah dibatalkan oleh Panel Penimbangtara.

Contoh di gambarajah 17. Kertas Undi ini tidak sah dan dibatalkan.

Gambarajah 17

ii. Pengundian secara elektronik dan atas talian.
(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

1. Proses mengundi dianggap selesai dan berjaya setelah anggota menerima makluman yang menyatakan proses undian telah berjaya.



Gambarajah 18.

2. Apabila anggota telah menamatkan proses undian secara elektronik atau secara atas talian, anggota tidak lagi boleh meminda atau mengisi semula undian ini.

   Contoh di gambarajah 18.

10.0 LOKASI DAN TARIKH PENGUNDIAN.

10.1 Undi Secara Manual dan Secara Elektronik.

a) Satu lokasi yang sesuai di Lembah Klang akan ditetapkan oleh JKMATKT untuk proses pemilihan ALK baharu.

b) Tarikh untuk mengundi akan ditetapkan oleh JKMATKT.

10.2 Undi Secara Pos *(Jika diluluskan oleh JKMATKT).*

a) Lokasi-lokasi pusat pengundian bagi luar Lembah Klang ditetapkan oleh ALK mengikut zon.

b) Urusetia berkaitan akan mengesahkan lokasi (Kem) sebagaimana yang diputuskan oleh JKMATKT.

c) Tarikh untuk mengundi di lokasi-lokasi yang dipilih akan ditetapkan oleh JKMATKT, samada secara serentak atau berlainan tarikh mengikut kesesuaian.

10.3 Undi Secara Atas Talian*.*

(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

a) Lokasi pengundian adalah diseluruh Malaysia.

b) Tarikh untuk mengundi akan ditetapkan oleh JKMATKT.

11.0 TEMPOH MASA UNTUK MENGUNDI.

11.1 Undi Secara Manual dan Secara Eletronik.

Bergantung kepada tempoh masa yang akan ditetapkan kemudian oleh JKMATKT pada tarikh seperti di perenggan 10.1 (b) Kod Etika ini.

11.2 Undi Secara Pos

(Jika diluluskan oleh JKMATKT).

Bergantung kepada tempoh masa yang akan ditetapkan kemudian oleh JKMATKT pada tarikh seperti di perenggan 10.2 (c) Kod Etika ini.

11.3 Undi Secara Atas Talian.

(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

Bergantung kepada tempoh masa yang akan ditetapkan kemudian oleh JKMATKT pada tarikh seperti di perenggan 10.3 (b) Kod Etika ini.

11.4 Perubahan Masa.

Tempoh masa pengundian akan dilanjutkan untuk tempoh masa yang akan ditetapkan oleh Pengerusi JKMATKT sekiranya berlaku keadaan yang luar biasa seperti gangguan sistem, faktor cuaca (ribut atau hujan lebat yang berpanjangan) dan lain-lain faktor yang difikirkan sesuai oleh Pengerusi JKMATKT.

12.0 PENJUMLAHAN, PENENTUAN DAN PENGIRAAN SEMULA UNDI.

12.1 Penjumlahan Undi.

a) Pengiraan dan penjumlahan undi akan dijalankan di satu ruangan yang tertutup (sekiranya pengundian secara manual) dan berlaku secara masa sebenar (*realtime*) (sekiranya pengundian secara elektronik dan secara atas talian) apabila anggota menyelesaikan proses undian.
(Pindaan kepada Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

b) Keputusan dan kedudukan terkini jumlah undi yang diterima oleh Calon akan dipaparkan pada skrin dihadapan ahli Panel Penimbangtara (sekiranya pengundian secara elektronik dan secara atas talian). Hanya petugas-petugas yang diberi kuasa oleh JKMATKT, ahli-ahli Panel Penimbangtara dan seorang Wakil Calon bagi setiap Calon sahaja yang dibenarkan berada di Pusat Pengiraan Undi.

(Pindaan kepada Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

c) Wakil Calon ini tidak dibenarkan meninggalkan Pusat Pengiraan Undi sehinggalah keputusan pengiraan undi ini selesai dan diumumkan oleh Ketua Pusat Pengiraan Undi.

d) Wakil Calon tidak dibenarkan mendedahkan kedudukan dan jumlah undi semasa kepada mana-mana pihak atas apa jua alasan selagi Ketua Pusat Pengiraan Undi tidak mengumumkan jumlah akhir keseluruhan undi dan kedudukan Calon.

12.2 Penentuan dan Penerimaan Sesuatu Undi.

a) Pengundian Secara Manual dan Secara Pos.

i. Penentuan serta pengesahan setiap undi mestilah dibuat berdasarkan kepada tatacara yang disediakan di bawah peranggan 9.5 (g) Kod Etika ini.

ii. Mana-mana kertas undi yang terdapat apa sahaja kesalahan atau ditulis tidak mengikut tatacara seperti yang dinyatakan di peranggan 9.5 Kod Etika ini hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada Panel Penimbangtara yang akan menentukan petak-petak yang diambilkira atau dibatalkan bagi kertas undi yang berkenaan.

b) Pengundian Secara Elektronik dan Secara Atas Talian.
(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

i. Penentuan serta pengesahan setiap undi mestilah dibuat berdasarkan kepada tatacara yang disediakan di bawah perenggan 9.5 (g) Kod Etika ini.

ii. Penentuan serta pengesahan setiap undi adalah dibuat secara masa sebenar (*realtime*) oleh sistem. Undi anggota dianggap sah apabila sistem menerima dan mengambil kira undi anggota di dalam paparan skrin jumlah undi dan kedudukan terkini Calon.

12.3 Rumusan dan Keputusan Pengiraan Undi.

a) Setelah pusat pendaftaran dan pengundian ditutup, Ketua Pusat Pengiraan Undi hendaklah merumuskan keputusan dan menentukan kedudukan Calon-Calon berdasarkan kepada jumlah undi yang diperolehi oleh setiap Calon. Calon yang menerima undi terbanyak dan mengatasi jumlah undi lain-lain Calon adalah dikira mendapat tempat pertama, jumlah undi yang kedua terbanyak di tempat kedua dan seterusnya;

b) Ketua Pusat Pengiraan Undi hendaklah menyampaikan keputusan pengiraan undi kepada Pengerusi JKMATKT kecuali semakan semula perlu dilakukan atas sebab-sebab yang dinyatakan di perenggan 12.4 Kod Etika ini. Dalam hal ini keputusan hendaklah disampaikan setelah semakan semula selesai dilakukan.

12.4 Pengiraan dan Semakan Semula.

a) Pengiraan dan semakan semula akan dijalankan (sekiranya pengundian secara manual dan secara pos) jika:-

i. Terdapat beberapa orang Calon (melebihi daripada jumlah kekosongan ALK yang diperlukan) menerima undi yang sama banyak.

ii. Terdapat dua orang Calon atau lebih menerima undi yang sama banyak bagi mengisi kekosongan yang terakhir yang diperlukan.

iii. Diminta oleh Wakil Calon atas sebab-sebab yang munasabah dan berasas serta dipersetujui oleh Panel Penimbangtara.

b) Sekiranya pengundian secara eletronik dan secara atas talian, pengiraan semula tidak diperlukan melainkan Calon atau Wakil Calon berjaya membuktikan wujudnya keperluan untuk berbuat demikian dan disokong dengan bukti bertulis sebelum tempoh masa mengundi seperti di perenggan 11.0 Kod Etika ini tamat.
(Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)

c) Panel Penimbangtara perlu menerima dan mengesahkan permohonan semakan dan pengiraan semula ini sebelum tindakan lanjut perlu dibuat.

d) Semakan semula hanya boleh dilakukan sekali sahaja bagi keseluruhan calon yang bertanding.

e) Jika selepas semakan semula dilaksanakan masih juga terdapat keputusan seperti berikut:-

i. Beberapa orang Calon (menepati jumlah kekosongan ALK yang diperlukan) menerima jumlah undi yang sama banyak dan mengatasi jumlah undi lain-lain Calon, maka keputusannya secara automatik semua Calon berkenaan

disahkan terpilih bagi mengisi kekosongan ALK sepertimana yang telah dimaklumkan.

ii. Dua (2) orang Calon atau lebih menerima jumlah undi yang sama banyak bagi tempat terakhir kekosongan, maka Panel Penimbangtara hendaklah memutuskan dengan cara :

1. Tempoh memegang jawatan ALK dibahagi sama rata untuk setiap calon; atau

2. Lain-lain tempoh yang dipersetujui bersama secara bertulis oleh Calon-Calon yang berkenaan.

12.5 Pengumuman dan Pengisytiharan.

Pengerusi JKMATKT mestilah mengumumkan keputusan pengundian pemilihan ALK baharu di MAT dengan menyebutkan huruf Calon, nama serta jumlah undi yang diperolehi oleh setiap Calon serta mengisytiharkan nama-nama Calon yang berjaya dipilih sebagai ALK untuk tempoh tiga (3) tahun yang akan datang.

13.0 PANEL PENIMBANGTARA.

13.1 JKMATKT melalui Urusetianya hendaklah melantik beberapa orang anggota KT sebagai Panel Penimbangtara dan salah seorang daripada mereka sebagai Ketua.

13.2 Panel Penimbangtara diberi kuasa untuk melaksanakan dan menguatkuasa apa jua perkara yang dinyatakan di dalam Kod Etika ini yang juga merangkumi tugas-tugas berikut:-

a) Mengawasi dan menentukan proses pengiraan dan penjumlahan undi secara manual, pos, elektronik dan atas talian ini dijalankan dengan betul, adil dan wajar; *(Pindaan kepada Aturan ini diluluskan oleh MAT ke-55 pada 27 Jun 2021)*

b) Mengesahkan samada sesuatu undi diterima atau sebaliknya mengikut tatacara yang ditetapkan di dalam Kod Etika ini;

c) Menyelesaikan segala pertikaian yang ditimbulkan oleh mana-mana Calon atau Wakil Calon dalam hal-hal yang berkaitan dengan etika kempen dan pembuangan undi; dan

d) Menyelesaikan segala pertikaian penggunaan sesuatu huruf Calon serta apa jua perkara yang tidak disebutkan di dalam Kod Etika ini;

13.3 Segala keputusan yang dibuat oleh Panel Penimbangtara adalah muktamad.

BAHAGIAN 3

TATACARA, ETIKA DAN BANTAHAN

14.0 TATACARA DAN ETIKA BERKEMPEN.

14.1 Tatatertib Umum Berkempen.

a) Huruf Calon merupakan simbol pengenalan kepada Calon seperti yang telah diperuntukkan oleh JKMATKT hendaklah sentiasa digunakan untuk membezakan setiap Calon;

b) Berkempen di tempat-tempat umum adalah dilarang;

c) Berkempen secara “surat layang” adalah dilarang;

d) Calon tidak boleh menyentuh atau mempertikaikan peribadi mana-mana ALK sedia ada dan Calon lain;

e) Berkempen dalam kawasan tentera hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada pihak berkuasa organisasi-organisasi yang terlibat. Calon adalah dikehendaki mematuhi segala arahan dan tatacara mengenai tempat, tarikh dan masa berkempen serta apa jua tatacara dan arahan tetap pihak berkuasa organisasi yang berkenaan;

f) Calon-Calon tidak boleh menerima atau membuat kutipan wang atau apa jua bentuk derma daripada mana-mana orang perseorangan atau pertubuhan;

g) Dalam kempen ini, setiap Calon adalah tertakluk kepada Akta dan Undang-Undang lain yang berkaitan yang juga termasuk segala had dan sekatan berhubung dengan peraturan dan tatatertib sebagai seorang tentera seperti yang diperuntukan dalam Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77) , termasuk Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) serta mana-mana semakan dan kemaskininya

yang berkaitan. Bagi Calon-Calon dari kalangan kakitangan awam adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;

h) Calon adalah dibolehkan melantik wakil-wakil untuk berkempen bagi pihak dirinya. Wakil-Wakil yang dilantik mestilah sentiasa mematuhi kod etika berkempen;

i) Calon dan penyokong adalah dilarang melakukan perbuatan yang boleh dianggap sebagai sabotaj ataupun perbuatan tidak beretika terhadap Calon-Calon lain;

j) Calon-Calon dilarang memberi wang atau pun lain-lain pemberian dalam apa jua bentuk seperti hadiah, tajaan dan sebagainya yang bertujuan mempengaruhi pemilihan; dan

k) Calon-Calon atau penyokong dilarang memancing undi di dalam kawasan pembuangan undi.

14.2 Poster dan Risalah (Bercetak atau Elektronik).

a) Poster dan risalah (bercetak dan eletronik) yang diedar atau ditampal di dalam kawasan kem atau pangkalan tentera hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada penguasa kem atau pangkalan yang berkenaan. Poster atau risalah (bercetak) yang ditampal itu mestilah ditanggalkan dan tempat tersebut dibersihkan dalam tempoh 48 jam selepas pengundian selesai;

b) Mempamer atau menampal poster dan risalah (bercetak dan eletronik) di kawasan umum adalah dilarang;

c) Ukuran sesuatu poster atau risalah (bercetak) mestilah tidak melebihi ukuran saiz kertas A3 (30cm x 42cm);

d) Semua poster dan risalah (bercetak) hendaklah terlebih dahulu disahkan oleh JKMATKT sebelum dicetak dan dipamerkan;

e) Penggunaan sepanduk dan kain rentang sebagai alat bantuan kempen adalah dilarang sama sekali; dan

f) Poster dan risalah (bercetak dan eletronik) yang memaparkan kandungan yang tidak sesuai dan tidak tepat seperti berikut adalah tidak dibenarkan:-

i. Tuntutan Palsu dan Maklumat Yang Tidak Tepat: contoh *"Undi kami, kami akan memastikan anda akan menerima dividen 15% tahun ini".*
ii. Serangan Peribadi: contoh *"Calon lain tidak mempunyai kelayakan seperti kami".*
iii. Kandungan Tidak Berkaitan: contoh *"Undi kami dan kami akan menjanjikan harga pertol yang lebih murah".*
iv. Pengunaan Pangkat dan Jawatan Secara Tidak Sah / Tidak Dapat Disahkan: contoh "*Undilah Calon X - Sarjan Ali bin Abu (Bersara) atau Dato' Ahmad Munawir bin Baharudin (Darjah Kebesaran Kesultanan Nusantara)".*

14.3 Kempen Menjelang dan Pada Hari Mengundi.

a) Tempoh berkempen bermula selepas Calon menerima huruf calon yang diperuntukkan ke atas dirinya.

b) Kerja-kerja mengantung atau mempamerkan poster atau risalah (bercetak) di pusat pengundian hanya boleh dimulakan pada jam 1200 sebelum hari mengundi dan kerja-kerja ini mestilah diberhentikan pada atau sebelum jam 2359 hari yang sama;

c) Poster atau risalah (bercetak) yang digantung atau dipamerkan mestilah tidak mengganggu lalu lintas atau menghalang penglihatan;

d) Poster atau risalah tidak boleh ditampal pada dinding-dinding bangunan atau batang / dahan pokok samda di dalam kem atau di tempat awam;

e) Ukuran poster atau risalah seperti di perenggan 14.2 (c) Kod Etika ini hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh JKMATKT;

f) Calon-Calon serta wakil-wakil kempen diberi kelonggaran untuk berkempen dengan cara merayu undi di sepanjang jalan masuk ke tempat pendaftaran dan pengundian pada hari pembuangan undi kecuali di kawasan-kawasan yang dilarang yang dinyatakan oleh JKMATKT;

g) Calon-Calon serta wakil-wakil kempen adalah dilarang menggunakan apa jua bentuk pembesar suara, membunyikan alat-alat muzik, gendang, hon, wisel atau apa jua bunyi-bunyian;

h) Calon-Calon serta wakil-wakil kempen mereka tidak boleh menggunakan kata-kata kesat, memekik atau menjerit-jerit atau menghina mana-mana individu, kumpulan atau pertubuhan;

i) Calon-Calon serta wakil-wakil kempen tidak dibenarkan merayu undi atau berkeliaran di kawasan anggota yang sedang berbaris untuk mendaftar dan mengundi dengan apa cara sekalipun samada secara lisan, mengagih-agihkan risalah, membawa sepanduk, poster atau meneriakkan slogan-slogan tertentu; dan

j) Calon-Calon juga adalah dilarang mendirikan khemah (selain yang telah diperuntukkan oleh Urusetia) atau mengadakan apa jua bentuk kaunter sebagai pengkalan secara tetap bagi meraih undi.

14.4 Penalti.

a) Tatacara dan etika berkempen yang dinyatakan di bawah perenggan 14.1, 14.2 dan 14.3 hendaklah dipatuhi oleh semua Calon; dan

b) Jika mana-mana Calon atau wakil-wakil kempennya melanggar apa jua peruntukan di bawah Kod Etika ini, maka Panel Penimbangtara dengan kuasa yang diberikan kepadanya seperti peranggan 13.2 Kod Etika ini akan meneliti setiap kesalahan tersebut dan jika disabitkan, pencalonan bagi Calon yang berkenaan boleh dibatalkan atau akan hilang wang cagarannya atau kedua-duanya sekali.

15.0 BANTAHAN

15.1 Sebarang bantahan oleh mana-mana Wakil Calon hendaklah dibuat secara bertulis dalam masa dua puluh (20) minit di Pusat Pengiraan Undi itu juga sebaik sahaja keputusan pengiraan undi yang pertama diketahui dan seterusnya dikemukakan kepada Ketua Panel Penimbangtara.

15.2 Ketua Panel Penimbangtara apabila menerima bantahan bertulis dari mana-mana Wakil Calon hendaklah berbincang dengan Ahli-Ahli Panel Penimbangtara yang lain mengenai isu yang ditimbulkan dan membuat keputusan. Ketua Panel Penimbangtara hendaklah mengumumkan di Pusat Pengiraan Undi itu segala keputusan yang dibuat terhadap bantahan yang dikemukakan serta tindakan yang perlu diambil dan mengarahkan Ketua Pusat Pengiraan Undi supaya mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan keputusan mereka.

15.3 Segala keputusan yang dibuat oleh Panel Penimbangtara adalah muktamad.

16.0 PINDAAN KOD ETIKA.

Koperasi berhak untuk meminda semua Kod Etika ini dengan kelulusan Mesyuarat ALK dari masa ke semasa.

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP3: GARIS PANDUAN PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (PINDAAN) 2012

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta). Ia bertujuan untuk menyenaraikan langkah-langkah yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) dalam proses pelantikan atau pelantikan semula Anggota Lembaga Koperasi (ALK).

LATAR BELAKANG

2. Menurut subseksyen 43(2) Akta, sesuatu koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya hendaklah, sebelum melantik atau melantik semula mana-mana orang sebagai anggota Lembaga, meminta penentusahan daripada Suruhanjaya sama ada orang itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

3. Garis panduan ini dikeluarkan selaras dengan peruntukan Akta dan Dasar Koperasi Negara untuk memperkukuh dan memperkemaskan tadbir urus serta pengurusan koperasi.

KRITERIA LAYAK DAN SESUAI

4. ALK hendaklah terdiri daripada mereka yang berkebolehan dan diamanahkan oleh anggota untuk mengurus hal-ehwal koperasi dan memastikan penjalanan koperasi adalah baik dan lancar. Mereka hendaklah mempunyai kelayakan, pengalaman dan kompeten untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ALK dengan berkesan.

5. Dalam menentukan sama ada seseorang itu adalah seorang yang layak dan sesuai untuk memegang jawatan ALK, perhatian hendaklah diberikan terhadap kriteria berikut:

(a) **Kejujuran, reputasi dan integriti peribadi** – seseorang hendaklah mempunyai keunggulan peribadi seperti kejujuran, integriti, ketekunan dan kewajaran keputusannya;

(b) **Keupayaan dan kompeten** – seseorang hendaklah mempunyai kemahiran sewajarnya, pengalaman, kebolehan dan komitmen untuk melaksanakan tanggungjawab; dan

(c) **Integriti kewangan** – seseorang hendaklah mengurus tanggungan atau kedudukan kewangannya secara berhemat.

Penilaian terhadap kriteria di atas hendaklah mengambil kira asas-asas pertimbangan seperti di **Lampiran A**.

6. Selain daripada kriteria di atas, seseorang yang berhasrat memegang jawatan ALK, perhatian hendaklah diberikan kepada pematuhan **GP5: Garis Panduan Mewajibkan Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi Menghadiri Kursus**.

7. Suruhanjaya juga boleh menambah kriteria-kriteria lain dari semasa ke semasa, sekiranya perlu.

8. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan **GP13: Garis Panduan Mengenai Etika Calon Anggota Lembaga Koperasi**.

PROSES PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA ALK

9. Lembaga koperasi atau Jawatankuasa Pencalonan, sekiranya ada, bertanggungjawab untuk menghantar borang permohonan yang lengkap kepada Suruhanjaya.

10. Setelah permohonan diterima, tapisan akan dikendalikan oleh Suruhanjaya bagi memastikan calon ALK memenuhi kriteria layak dan sesuai. Tapisan yang serupa juga akan dikendalikan bagi pelantikan semula ALK.

11. Penentusahan Suruhanjaya adalah tidak melebihi tempoh **tiga tahun**.

12. Koperasi dikehendaki menghantar borang permohonan baharu yang **lengkap** kepada Suruhanjaya untuk melantik semula anggota Lembaga yang tamat tempoh pelantikannya.

PELANTIKAN ALK

13. Koperasi dikehendaki mengemukakan borang permohonan yang lengkap bagi pelantikan ALK kepada Suruhanjaya sekurang-kurangnya **dua bulan** sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan (MAT).

PELANTIKAN SEMULA ALK

14. Menurut Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada ALK hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap tahun di MAT. Sekiranya MAT tidak dijalankan pada tahun itu, giliran pengosongan jawatan hendaklah diambil kira.

Contoh: Koperasi ABC Bhd mempunyai 9 orang ALK.

Pada MAT tahun pertama, 1/3 (3 orang) ALK akan mengosongkan jawatan. MAT tahun kedua tidak diadakan. Oleh itu, pada MAT tahun ketiga, 2/3 (6 orang) ALK akan mengosongkan jawatan dan kesemua ALK telah mengosongkan jawatan ALK.

Tahun	Bilangan ALK	Pengosongan Jawatan	ALK Dikekalkan	ALK Baru Dilantik
1	9	3	6	3
2*	9	0	9	0
3	9	6	3	6

Nota: MAT tidak diadakan*.

15. Bagi ALK yang akan tamat tempoh pelantikan pada MAT berikutnya dan dicadangkan untuk pelantikan semula, koperasi hendaklah mengemukakan borang permohonan yang lengkap kepada Suruhanjaya sekurang-kurangnya **dua bulan** sebelum tarikh MAT.

16. Sekiranya tempoh penentusahan Suruhanjaya masih sah (iaitu dalam tempoh tidak melebihi tiga tahun) pada MAT yang berkenaan, ALK yang layak tidak perlu mengemukakan borang permohonan bagi pelantikan semula. Walau bagaimanapun, koperasi hendaklah mengemukakan Borang SKM/ALK dan salinan surat pengesahan penentusahan kepada Suruhanjaya sekurang-kurangnya **dua bulan** sebelum tarikh MAT.

TEMPOH PENGHANTARAN PERMOHONAN KEPADA SURUHANJAYA

17. Subseksyen 39(1) Akta memperuntukkan MAT diadakan tidak lewat daripada **enam bulan** selepas berakhirnya setiap tahun kewangan.

18. Borang permohonan penentusahan bagi pelantikan atau pelantikan semula ALK hendaklah dihantar kepada Suruhanjaya sekurang-kurangnya **dua bulan** sebelum tarikh MAT.

Mesyuarat Agung Tahunan

Contoh:

Keperluan mengadakan MAT menurut Akta Koperasi 1993



Penghantaran borang permohonan kepada Suruhanjaya



AM

19. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan-Peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

20. Garis panduan ini terpakai kepada koperasi ditentukan melalui perintah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

21. Berkuat kuasa dari tarikh perintah dikeluarkan, koperasi yang memohon penentusahan daripada Suruhanjaya dan calon ALK yang berkenaan dikehendaki berurusan dengan institusi-institusi berikut untuk melaksanakan sebahagian daripada proses tapisan:

Pemohon	Institusi	Tujuan
Koperasi	Jabatan Insolvensi Malaysia	**Tapisan Keutuhan** Status kebankrapan calon ALK
Calon ALK	(a) Bank Negara Malaysia i. LINK; atau ii. BNMTELELINK (b) Koperasi-koperasi	**Tapisan Kewangan** Pengendalian akaun pinjaman dan tanggungan calon ALK di institusi-institusi kewangan dan koperasi-koperasi (sekiranya ada).

Untuk pelaksanaan proses tapisan di atas, lampiran berikut disertakan:

Lampiran I	Senarai borang untuk dihantar kepada Suruhanjaya
Lampiran II	Keterangan ringkas mengenai jenis-jenis borang yang diperlukan berkaitan dengan permohonan penentusahan Suruhanjaya bagi pelantikan ALK
Lampiran III	Prosedur untuk pelantikan ALK

22. GP3: Garis Panduan Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi bertarikh 24 Disember 2008 adalah dengan ini dibatalkan.

23. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

24. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai **1 Januari 2013**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : 28 Disember 2012

Lampiran A

ASAS-ASAS PERTIMBANGAN KRITERIA LAYAK DAN SESUAI

1. Kejujuran, Reputasi Dan Integriti Peribadi

Kejujuran, reputasi dan integriti peribadi adalah nilai-nilai yang perlu diamalkan pada setiap masa (*over time*). Kriteria ini menghendaki disiplin dan komitmen yang berterusan untuk mencapai taraf etika yang tinggi.

Dalam menilai tahap kejujuran, integriti dan reputasi seseorang untuk memegang jawatan ALK, koperasi hendaklah mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

(a) sama ada dia sedang dikenakan prosiding atau dipertuduh di mahkamah atau apa-apa penyiasatan yang menjurus kepada prosiding kesalahan disiplin atau jenayah;

(b) sama ada dia telah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang dirangka untuk melindungi anggota atau orang awam daripada mengalami kerugian kewangan akibat tidak jujur, salah laku atau tidak kompeten;

(c) sama ada dia telah melanggar apa-apa kehendak dan piawaian badan kawal selia, badan professional, kerajaan atau agensi-agensinya;

(d) sama ada dia telah didakwa melakukan mana-mana kesalahan di bawah Jadual 1 dan 2, Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah Dan Orang-Orang Tak Diingini 1969 [*Akta 7*];

(e) samada dia adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan;

(f) sama ada dia, atau mana-mana perniagaan di mana dia mempunyai kepentingan atau pengaruh yang signifikan, telah disiasat, dikenakan tindakan disiplin, digantung atau diberi amaran bertulis oleh badan kawal selia, badan profesional, mahkamah atau tribunal;

(g) sama ada dia telah dipecat, diminta untuk meletak jawatan atau telah meletak jawatan disebabkan oleh masalah kejujuran dan integriti; dan

(h) sama ada dia mempunyai kaitan (*associated*) dengan perihal pemilikan atau pengurusan dalam apa-apa syarikat, perkongsian atau perniagaan di mana lesen, keahlian atau pendaftaran entiti tersebut telah dibatalkan, ditarik balik atau ditamatkan.

2. Keupayaan Dan Kompeten

Ciri-ciri keupayaan dan kompeten hendaklah dipamerkan oleh seseorang yang mempunyai kelayakan, pengalaman dan kebolehan relevan untuk memahami keperluan teknikal sesuatu perniagaan, risiko bawaan (*inherent risk*) dan proses pengurusan yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawabnya.

Dalam menilai keupayaan dan kekompetenan seseorang itu untuk memegang jawatan ALK, koperasi hendaklah mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

(a) sama ada dia mempunyai kelayakan, kemahiran, pengalaman dan komitmen yang bersesuaian untuk menggalas tugas serta tanggungjawab sebagai ALK; dan

(b) sama ada dia mempunyai kepakaran atau prestasi yang memuaskan pada masa terdahulu ketika menerajui atau mengendalikan sesuatu koperasi, atau mana-mana organisasi.

3. Integriti Kewangan

Integriti kewangan seseorang hendaklah diperlihatkan melalui pengurusan kewangannya secara teratur dan berhemat.

Dalam menilai integriti kewangan seseorang, koperasi hendaklah mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

(a) mempunyai kemampuan untuk memenuhi tanggungan kewangan mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan;

(b) akaun pembiayaan dengan institusi kewangan, koperasi atau penyedia khidmat kewangan lain disenggara dengan baik dan memuaskan serta tidak mempunyai apa-apa hutang tertunggak yang melebihi enam bulan; dan

(c) tidak disabitkan dengan keberhutangan yang tidak dilunaskan.

LAMPIRAN I

SENARAI BORANG-BORANG UNTUK DIHANTAR KEPADA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Bil.	Borang	Dilengkapkan Oleh	
		Calon ALK	Koperasi yang Memohon
1	**SKM/BP** Maklumat Peribadi Calon ALK	✓	
2	**SKM/TAP/KEW** (sekiranya perlu) Tapisan Kewangan Calon ALK	✓	
3	**SKM/ALK** Senarai Terkini Anggota Lembaga Koperasi		✓
4	**SKM/AK** Akuan Penerimaan Permohonan		✓

LAMPIRAN II

Keterangan ringkas mengenai setiap borang yang diperlukan berkaitan permohonan penentusahan daripada Suruhanjaya bagi pelantikan atau pelantikan semula calon ALK adalah seperti berikut:

BORANG-BORANG YANG PERLU DILENGKAPKAN OLEH CALON ALK SAHAJA

Jenis Borang	Tujuan	Keterangan
SKM/BP	Maklumat peribadi calon ALK	Mesti dilengkapkan oleh calon ALK
SKM/TAP/KEW (sekiranya ada)	Tapisan kewangan: Berkaitan *akaun/tanggungan calon dengan koperasi* di Malaysia, kecuali akaun simpanan tetap dan akaun tabungan	Borang terbahagi kepada dua bahagian seperti berikut: **Bahagian A** Calon hendaklah mengisi maklumat tentang akaun/ tanggungannya di sesebuah koperasi di Malaysia. Jika akaun/ tanggungan melibatkan lebih daripada sebuah koperasi, sila isikan satu borang untuk setiap koperasi **Bahagian B** Untuk diisi oleh koperasi yang menerima Borang SKM/TAP/KEW daripada calon yang telah mengisi Bahagian A dengan lengkap
Borang Permohonan Laporan Kredit	Tapisan kewangan: Berkaitan *akaun/tanggungan persendirian/bersama calon dengan institusi kewangan* di Malaysia, kecuali akaun simpanan tetap dan akaun tabungan	(a) Borang ini disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi permohonan berkaitan rekod kredit calon ALK dengan institusi kewangan. Calon hendaklah menghantar borang ini kepada BNM untuk Laporan Kredit mereka. Borang ini terdapat di laman web Biro Kredit, BNM (http://creditbureau.bnm.gov.my). (b) Calon juga boleh mengambil sendiri Laporan Kredit berkenaan daripada LINK, BNM.

LAMPIRAN II

BORANG-BORANG YANG PERLU DILENGKAPKAN OLEH KOPERASI YANG MEMOHON SAHAJA

Jenis Borang	Tujuan	Keterangan
SKM/ALK	Senarai ALK terkini	Hendaklah dilengkapkan oleh koperasi yang memohon
SKM/AK	Akuan penerimaan permohonan	Hendaklah dilengkapkan oleh koperasi yang memohon
Borang K (Rekod Kebankrapan)	Melaksanakan tapisan keutuhan	Borang ini disediakan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) bagi permohonan berkaitan rekod kebankrapan calon. Koperasi hendaklah mengemukakan Borang K kepada JIM untuk mengetahui rekod kebankrapan calon, jika ada. Borang K boleh didapati daripada JIM

LAMPIRAN III

Prosedur dan Borang bagi Pelantikan atau Pelantikan Semula ALK

A. **Koperasi** yang memohon penentusahan daripada Suruhanjaya bagi pelantikan ALK dikehendaki mengemukakan borang berikut kepada Suruhanjaya:

Bil.	Jenis Borang	Keterangan
(i)	**Borang SKM/ALK**	-
(ii)	**Salinan Asal Jawapan Rekod Kebankrapan** yang diperolehi daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM)	Untuk mengetahui rekod kebankrapan calon, koperasi yang memohon perlu mengisi **Borang K (Rekod Kebankrapan)** dan menghantarnya kepada JIM di alamat seperti berikut: **Jabatan Insolvensi Malaysia** **Aras 2 & 3, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang** **Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan** **62692 Putrajaya** **Tel : 03-8885 1000**
(iii)	**Salinan Asal Laporan Kredit** yang diperolehi daripada BNM	Laporan Kredit dimajukan oleh calon ALK kepada koperasi
(iv)	**Borang SKM/BP**	Borang yang telah lengkap diisi oleh calon ALK
(v)	**Borang SKM/TAP/KEW**	Laporan Kredit dimajukan oleh calon ALK kepada koperasi
(vi)	**Borang SKM/AK**	-

LAMPIRAN III

B. **Calon ALK** dikehendaki melengkapkan dan melaksanakan perkara-perkara berikut:

Bil.	Jenis Borang	Keterangan
(i)	**Borang SKM/BP**	Melengkapkan dan memajukan kepada koperasi untuk dikemukakan kepada Suruhanjaya
(ii)	**Borang Permohonan Laporan Kredit**	(a) Melaksanakan tapisan kewangan dengan- • calon mengambil sendiri Laporan Kredit daripada **LINK**, **Bank Negara Malaysia**; atau • calon melengkapkan Borang Permohonan Laporan Kredit dan menghantarnya kepada BNM TELELINK di alamat seperti berikut: **BNM TELELINK** **Jabatan Komunikasi Korporat** **Bank Negara Malaysia** **Peti Surat 10922** **50929 Kuala Lumpur** **Tel : 1-300-88-5465** **Faks : 03-2174 1515** (b) Calon ALK yang menerima Laporan Kredit daripada Biro Kredit, BNM dikehendaki memajukan salinan asal borang tersebut kepada koperasi untuk tindakan selanjutnya
(iii)	**Borang SKM/TAP/KEW**	Melaksanakan tapisan kewangan dengan melengkapkan **Bahagian A** dan menghantarnya bersama-sama dengan surat pengiring (*cover letter*) calon terus kepada koperasi di mana calon mempunyai akaun/tanggungan. Calon hendaklah menggunakan satu borang untuk setiap koperasi sekiranya akaun/tanggungan melibatkan lebih daripada sebuah koperasi **Bahagian B** adalah disediakan untuk kegunaan koperasi yang menerima Borang SKM/TAP/KEW daripada calon ALK. Selanjutnya, koperasi yang menerima borang tersebut dikehendaki melengkapkan Bahagian B mengenai akaun dan tanggungan calon serta mengembalikan salinan asal borang tersebut terus kepada calon untuk dihantar kepada koperasi yang memohon penentusahan daripada Suruhanjaya.

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP13 : GARIS PANDUAN MENGENAI ETIKA CALON ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk menggariskan etika dan larangan yang wajib dipatuhi oleh calon anggota Lembaga sesuatu koperasi.

LATAR BELAKANG

2. Seksyen 42 Akta memperuntukkan bahawa sesebuah koperasi hendaklah mempunyai suatu Lembaga yang terdiri daripada tidak kurang daripada enam orang dan tidak lebih daripada lima belas orang anggota yang dilantik dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan sesuatu koperasi.

3. Lembaga mempunyai peranan penting dalam memastikan dasar dan amalan koperasi dikendalikan dengan berkesan serta memahami tanggungjawabnya terhadap anggota. Lembaga bertanggungjawab sepenuhnya

terhadap perjalanan koperasi di samping memastikan nilai dan kepentingan anggotanya terpelihara.

4. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, Lembaga hendaklah berhemat dalam mentadbir dan mengurus koperasi dengan berlandaskan peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi, perintah, garis panduan, undang-undang kecil dan keputusan mesyuarat agung koperasi.

5. Dalam senario masa kini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) mendapati wujudnya salah laku serta penyelewengan yang boleh membawa kepada pemilihan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang tidak berkualiti dan seterusnya memudaratkan koperasi seperti penyelewengan dalam bentuk politik wang atau kempen yang tidak harmoni.

6. Sehubungan ini, garis panduan ini dikeluarkan bagi memberi panduan kepada koperasi dalam memastikan pemilihan ALK dilaksanakan secara beretika.

7. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung.

BAHAGIAN B : ETIKA CALON

8. Nilai-nilai etika yang perlu ada pada seseorang calon hendaklah seperti berikut:

(a) kejujuran;

(b) keterbukaan;

(c) ketelusan;

(d) kebertanggungjawaban; dan

(e) keprihatinan.

dalam melaksanakan tugas untuk membangunkan koperasi.

9. Seseorang calon yang dipilih hendaklah memahami dan menghayati konsep dan prinsip koperasi supaya dapat mencerminkan integriti yang kukuh bagi sesebuah koperasi.

Salah Laku Dan Larangan Kepada Calon

10. Berdasarkan kepada nilai-nilai yang telah dinyatakan di para 8, seseorang calon yang bertanding adalah dilarang sama sekali daripada membuat apa-apa tindakan salah laku yang boleh mencemar proses pemilihan calon ALK. Tindakan berkenaan antara lain termasuklah seperti berikut –

(a) **Rasuah**

(i) Menyalahgunakan apa jua kuasa secara langsung atau tidak langsung dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya dengan tujuan mendorong atau memaksa orang itu mengundi atau tidak mengundi mana-mana orang dalam mana-mana pencalonan bagi pihaknya sendiri atau bagi pihak lain, termasuklah menggunakan kedudukan atau kuasanya secara salah bagi mendapat undi.

(ii) Memberi, meminjam, meminta atau bersetuju untuk memberi atau meminjam atau meminta, atau berjanji akan mendapatkan atau akan berusaha untuk mendapatkan, apa-apa wang atau balasan bernilai untuk seseorang anggota atau untuk seseorang yang lain, dengan tujuan mendorong seseorang anggota supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pencalonan bagi pihak dirinya sendiri atau bagi pihak lain.

(iii) Memberi atau menerima atau membenarkan anggota keluarganya atau mana-mana orang untuk memberi atau menerima bagi pihaknya, secara langsung atau tidak langsung, kepada atau daripada mana-mana anggota koperasi yang lain apa-apa jua hadiah, benda atau faedah samada secara zahir atau sebaliknya bagi mendorong seseorang anggota supaya mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana pencalonan bagi pihaknya sendiri atau pihak lain.

(b) **Menggunakan Kekerasan**

Mengguna kekerasan atau ugutan mengguna atau mengancam untuk mengguna apa-apa jua bentuk kekerasan samada secara fizikal atau bukan fizikal, paksaan, ugutan atau halangan secara langsung atau tidak langsung, dengan sendirinya atau melalui seseorang lain bagi pihaknya, dengan tujuan untuk membawa atau mengakibatkan kecacatan, kerosakan atau kerugian ke atas mana-mana orang bagi mendorong atau memaksa mana-mana anggota koperasi atau keluarga agar mengundi atau tidak mengundi mana-mana anggota koperasi lain dalam mana-mana pencalonan.

(c) **Penggunaan Media Cetak dan Elektronik**

Penerbitan dan penggunaan media massa, elektronik atau internet, menerbit, menyiar atau menulis apa-apa risalah, majalah, makalah, buku atau lain-lain karya secara langsung atau tidak langsung, yang mempunyai unsur-unsur menyokong, menfitnah, mencela, mengkeji atau mengandungi kenyataan palsu terhadap mana-mana anggota koperasi yang disiarkan melalui media massa, elektronik atau internet dengan tujuan untuk mengelirukan seseorang berkenaan anggota yang lain, mempengaruhi atau mendapat undi atau sokongan bagi pihaknya atau orang lain dalam mana-mana pencalonan.

(d) **Kenyataan Palsu**

Mana-mana calon yang mengeluarkan sesuatu kenyataan palsu atau memburukkan reputasi seseorang calon lain dengan ini telah melakukan suatu perbuatan yang boleh mengakibatkan calon tersebut diambil tindakan disiplin.

(e) **Ejen, Pelobi, Pengurus Kempen atau Perayu Undi**

Calon samada bagi pihaknya sendiri atau melalui ejen, pelobi, pengurus kempen atau perayu undi dilarang daripada berkempen secara provokatif yang boleh mewujudkan suasana tidak harmoni dalam koperasi.

(f) **Majlis dan Pertemuan**

Kecuali semasa mesyuarat agung tahunan, pertemuan atau majlis yang dianjurkan oleh koperasi berkenaan, calon atau ejen, pelobi, pengurus kempen atau perayu undi bagi pihak dirinya, dilarang dalam tempoh pemilihan, menganjurkan, samada secara langsung atau tidak langsung, sebarang perhimpunan, pertemuan jamuan, kursus, lawatan atau apa-apa majlis yang membabitkan anggota-anggota bagi mendorong seseorang anggota supaya mengundi atau tidak mengundi calon berkenaan.

(g) **Derma atau Bantuan**

(i) Calon dilarang, samada secara langsung atau tidak langsung, memberi sebarang bentuk derma, bantuan atau peruntukan atas kapasiti persendirian atau melalui orang lain dengan tujuan untuk mendapat undi atau sokongan atau mempengaruhi anggota-anggota di dalam mana-mana pencalonan bagi pihak dirinya sendiri atau bagi pihak calon lain.

(ii) Mana-mana calon yang ingin memberi derma atau sebarang bentuk pemberian lain hendaklah disalurkan menerusi koperasi.

(h) **Pernyataan Akhbar atau Awam**

Calon dilarang membuat apa-apa pernyataan akhbar atau awam secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara sekalipun dan/atau menyebarkan pernyataan akhbar atau awam berhubungan dengan apa-apa dasar atau keputusan yang telah dibuat oleh koperasi termasuk keputusan disiplin koperasi yang boleh merosakkan imej dan keluhuran keputusan koperasi.

(i) **Calon Yang Masih Menjawat Jawatan Dalam Koperasi**

Calon yang masih menjawat jawatan dalam koperasi adalah dilarang daripada menyalahgunakan apa jua kuasa atau apa-apa yang bersamaan dengannya yang ada pada mereka bagi tujuan persendirian di dalam menjalankan pentadbiran koperasi dan hendaklah sentiasa menjalankan dasar-dasar koperasi.

(j) **Tingkah Laku Sewaktu Menjalankan Mesyuarat Agung Kawasan**

Calon yang ditugaskan menjalankan mesyuarat agung kawasan, adalah dilarang daripada menyalahgunakan apa jua kuasa atau apa-apa yang bersamaan dengannya yang ada pada mereka dengan tujuan bagi manfaat pihak sendiri atau bagi pihak lain dan hendaklah sentiasa menjalankan dasar-dasar koperasi dan mengikut arahan-arahan Lembaga.

BAHAGIAN C : PELANGGARAN ETIKA

11. Seseorang anggota boleh mengemukakan aduan serta-merta dan tidak lewat daripada tujuh hari daripada kesalahan itu berlaku kepada Jawatankuasa Disiplin (Jawatankuasa) mengenai mana-mana calon yang melanggar etika di sepanjang tempoh tarikh penamaan calon hingga hari pengundian. Aduan hendaklah dikemukakan berserta bukti yang kukuh iaitu:

(a) laporan polis;

(b) rakaman suara;

(c) rakaman video;

(d) laporan perubatan;

(e) gambar; atau

(f) dokumen seperti salinan cek, tiket penerbangan, baucer, resit atau invois.

12. Urusan yang melibatkan pelanggaran etika calon hendaklah dikendalikan oleh Jawatankuasa Disiplin yang dibentuk oleh Lembaga.

Jawatankuasa Disiplin

13. Lembaga hendaklah menetapkan komposisi Jawatankuasa dan menentukan bidang tugas mereka. Jawatankuasa bolehlah terdiri daripada pegawai atau mana-mana orang yang dilantik oleh Lembaga yang tidak terlibat dalam membuat aduan atau siasatan atau yang mempunyai pertalian persaudaraan dengan pengadu. Sekurang-kurangnya seorang daripada Jawatankuasa hendaklah mempunyai pengalaman dalam bidang perundangan.

14. Pengerusi Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada mana-mana anggota Lembaga. Pengerusi dalam semua hal adalah tertakluk kepada penyeliaan dan arahan Jawatankuasa dan hendaklah —

(a) melaksanakan keputusan-keputusan Jawatankuasa;

(b) menjalankan mana-mana tugas Jawatankuasa yang diwakilkan kepadanya oleh Jawatankuasa;

(c) menandatangani bagi pihak Jawatankuasa segala notis, pengumuman dan sebarang dokumen yang dikeluarkan atas nama dan bagi pihak Jawatankuasa; dan

(d) mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

15. Jawatankuasa mempunyai tanggungjawab seperti berikut:

(a) memastikan perkara-perkara berkaitan dengan disiplin calon dalam tempoh pencalonan sehingga hari pengundian mengikut kehendak perundangan koperasi;

(b) menerima, mengkaji, mendengar dan memutuskan aduan-aduan terhadap calon; dan

(c) mewakilkan apa-apa tanggungjawab dan tugasnya kepada mana-mana orang yang difikirkan perlu tertakluk kepada terma dan syarat atau sekatan yang ditentukan.

Keputusan Aduan

16. Jawatankuasa hendaklah memaklumkan keputusan terhadap aduan yang diterima dalam tempoh tidak lewat empat belas hari dari tarikh aduan diterima dengan mengambil kira faktor keadilan semulajadi *(natural justice)*.

17. Sekiranya calon ALK didapati bersalah sebelum mesyuarat agung, calon berkenaan hendaklah dihalang daripada bertanding.

18. Sekiranya mana-mana calon didapati terlibat dalam kes disiplin dan masih belum diberi keputusan oleh Jawatankuasa, maka dia boleh terus bertanding serta memegang jawatan sebagai ALK. Jika calon ALK didapati bersalah setelah dipilih menjadi ALK, calon hendaklah mengosongkan jawatannya dan kekosongan jawatan hendaklah diisi mengikut undang-undang kecil koperasi.

19. Jika ada calon ALK yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah dibuat menurut para 16, maka calon berkenaan boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa. Sekiranya keputusan rayuan tidak diterima sebelum MAT maka calon tersebut dibenarkan bertanding.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

20. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

21. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

(DATO' MANGSOR BIN SAAD)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : 24 NOVEMBER 2010

"Peneraju Kecemerlangan Koperasi"